

CNS7351

R GB 09-05 00156 BA882

bah

Rahim - Mahathir

PERTEMUAN MAHATHIR-CLINTON PENGHORMATAN KEPADA NEGARA

MELAKA, 9 Mei (Bernama) -- Pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton harus dilihat sebagai satu penghormatan dan pengiktirafan Clinton terhadap kepimpinan negara ini.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik berkata hari ini telah tiba masanya bagi pemimpin pembangkang di negara ini turut mengiktiraf kepimpinan Dr Mahathir kerana kejayaannya membawa pembangunan pesat hingga diakui oleh dunia.

Menurutnya, pertemuan serta perbincangan antara Dr Mahathir dan Clinton bukan sahaja akan memberi faedah kepada Malaysia tetapi boleh turut mengatasi masalah yang melanda dunia sekarang.

Abdul Rahim yang juga Ketua Menteri Melaka berkata Pergerakan Pemuda UMNO sekali lagi mengutuk PBB kerana kelemahannya dalam menangani masalah yang menimpa rakyat Bosnia kerana membenarkan puak Serb menggerak dan memindahkan tujuh kereta kebalnya di Zon Selamat Sarajevo beberapa hari lepas. -- Lagi.

▼09/05/17-38MST

CNS7354

R GB 09-05 00148 BA883

bah

Rahim - Mahathir 2 (Akhir) Melaka

Katanya, sikap sambil lewa PBB terutama wakilnya Yasushi Akashi akan menghancurkan peluang perdamaian di negara yang sedang dilanda kezaliman oleh puak Serb itu.

Menurutnya, Pergerakan Pemuda UMNO membantah sikap PBB itu dan meminta pihak berkaitan memastikan perbuatan seumpama itu tidak berulang kerana ia mencabuli hak rakyat Bosnia.

Sementara itu Presiden Persatuan Bola Sepak Melaka (MAFA), Datuk Mohamad Zin Abdul Ghani hari ini mendermakan bonus hasil permainan pasukanya itu berjumlah RM2,600 kepada Tabung Bosnia.

Penolong Pengurus Pasukan, Abdul Aziz Majid juga turut mendermakan bonusnya berjumlah RM1,300 kepada tabung itu menerusi wakil akhbar Utusan Malaysia di sini, Encik Ishak Salleh di pejabat Mohamad Zin.

Mohamad Zin juga berkata MAFA menyumbangkan RM610.82 hasil pungutan tabung derma Bosnia yang diperolehi semasa perlawanan Melaka-Johor di Stadium Kubu pada Sabtu lepas. -- Bernama

ARA NMO